

News : Berita Harian  
Date: 10 February 2010  
Language: Malay  
Subject: Educations  
Page: 15

# UMS belum kembalikan wang cagaran jubah

**S**AYA ialah graduan Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan menghadiri majlis konvokesyen pada Oktober tahun lalu. Sebelum majlis berlangsung graduan perlu meminjam jubah dan dikenakan wang cagaran yang akan dipulangkan selepas majlis tamat.

Malangnya, sehingga kini pengurusan UMS belum membayar semula wang cagaran berkenaan walaupun borang dilengkapkan termasuk nombor akaun bank bagi tujuan pembayaran.

Untuk pengetahuan,

rakan-rakan di universiti lain memaklumkan mereka menerima kembali wang cagaran sebaik saja memulangkan jubah, namun ia berbeza dengan UMS yang membayarnya melalui akaun bank.

Saya berharap UMS dapat menyegerakan pembayaran kembali kerana sehingga kini sudah hampir empat bulan majlis konvokesyen berlangsung dan saya ternanti-nanti wang cagaran berkenaan.

**GRADUAN UMS 2009**

*Sandakan, Sabah*



GRADUAN begitu segak dengan jubah masing-masing sebelum menerima skrol. - (gambar hiasan)